

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN
ISMAIL [PANDAN]**

TARIKH : 7 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah polisi dan strategi Kementerian dalam penambahbaikan fasiliti dan kemudahan pusat-pusat kesihatan bagi menampung pesakit bukan COVID-19 yang memerlukan perkhidmatan kesihatan segera berikutan banyak yang dijadikan Hospital COVID-19 penuh, serta menghindar jangkitan COVID-19 dalam kalangan pesakit bukan COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi memastikan perkhidmatan kesihatan sentiasa berterusan dan tidak terjejas, Kementerian Kesihatan telah menyediakan dan melaksanakan inisiatif-inisiatif seperti berikut :

- (i) Hospital awam merangkumi 146 hospital Kementerian Kesihatan Malaysia, tiga (3) hospital Angkatan Tentera dan tujuh (7) Hospital Universiti dibahagikan kepada Hospital *full COVID-19*, *Hybrid COVID-19* dan *Non COVID-19*. Hospital *full COVID-19* menyediakan rawatan untuk pesakit COVID-19 sahaja dan pesakit selain COVID-19 akan dirujuk ke hospital lain. Hospital *hybrid COVID-19* merawat pesakit COVID-19 dan lain-lain dan hospital *non COVID-19* menyediakan rawatan untuk pesakit selain COVID-19. Dalam hal ini, pesakit selain COVID-19 dirawat di hospital *Hybrid COVID-19* dan *Non COVID-19* yang kini berjumlah 142 hospital;
- (ii) Hospital-hospital Daerah Tanpa Pakar yang termasuk dalam hospital *Hybrid COVID-19* dan *Non COVID-19* turut dioptimumkan untuk menjalankan prosedur atau pembedahan tertentu melalui konsep Hospital Kluster;
- (iii) Penyumberluaran perkhidmatan tertentu kepada hospital swasta untuk mengurangkan waktu menunggu prosedur atau pembedahan terutamanya bagi kes-kes kritikal dan separa kritikal dilaksanakan. Pada masa ini, Kementerian Kesihatan Malaysia bekerjasama dengan 76 buah hospital swasta seluruh Malaysia. Sehingga 31 Julai 2021, sebanyak 3,974 prosedur telah dilakukan;
- (iv) Pemanjangan waktu operasi klinik pakar dan dewan bedah selepas waktu pejabat termasuk pada hari Sabtu bagi hospital-hospital tertentu turut dilaksanakan;

SOALAN NO : 40

- (v) Perkhidmatan secara maya, termasuk '*virtual clinic*' yang telah dimulakan dan akan diperluaskan di beberapa hospital serta klinik kesihatan; dan
- (vi) Perkhidmatan Ubat Melalui Pos (UMP) bagi membekalkan ubat susulan terus ke lokasi pilihan pesakit melalui pos.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Bagi melindungi keselamatan pesakit bukan COVID-19 daripada dijangkiti COVID-19 semasa mereka mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan, langkah-langkah kawalan infeksi serta pengesanan awal telah dipertingkatkan seperti berikut:

- (i) Menjalankan saringan pra-kemasukan ke wad (pre-admission screening) bagi kumpulan pesakit yang disasarkan (sebagai contoh pesakit dari pusat hemodialysis, pesakit dengan tahap imuniti yang rendah, pesakit buah pinggang, pesakit kanser) dan juga dari golongan tertentu seperti penghuni pusat tahanan dan rumah orang-orang tua dimana ujian saringan RTK-Ag atau RT-PCR akan dijalankan sebelum pesakit dimasukkan ke wad. Pesakit yang bergejala atau memenuhi kriteria tertentu akan ditempatkan di tempat yang berasingan sementara menunggu keputusan ujian COVID-19;
- (ii) Pesakit juga perlu menjalani ujian saringan COVID-19 mengikut kriteria yang ditetapkan sebelum menjalani sesuatu prosedur atau pembedahan. Peneman atau penjaga turut dimestikan untuk menjalani ujian COVID-19 sebelum dibenarkan untuk menjaga pesakit di hospital;
- (iii) Semua pesakit yang datang ke hospital atau fasiliti kesihatan akan menjalani saringan suhu badan dan saringan risiko COVID-19;
- (iv) Pesakit yang disyaki atau mempunyai symptoms yang berkaitan dengan jangkitan COVID-19 daripada pesakit-pesakit lain di

SOALAN NO : 40

dalam bilik isolasi atau kawasan khas serta memastikan langkah pencegahan dan kawalan jangkitan (seperti amalan kebersihan tangan, pemakaian alat perlindungan diri yang sesuai dipatuhi);

- (v) Menjalankan disinfeksi persekitaran secara berkala dan disinfeksi khusus kawasan-kawasan dan kubikel pesakit COVID-19 atau pesakit yang disyaki COVID-19;
- (vi) Mewujudkan satu pasukan khas di fasiliti kesihatan bagi merawat pesakit yang disyaki atau pesakit yang telah disahkan COVID-19, yang mana pasukan ini tidak akan merawat pesakit bukan COVID-19 untuk mengelakkan jangkitan silang;
- (vii) Memastikan anggota kesihatan sentiasa mengamalkan pencegahan dan kawalan jangkitan seperti amalan kebersihan tangan dan pemakaian alat perlindungan diri yang bersesuaian semasa memberikan rawatan kepada semua pesakit tanpa mengira status penyakit mereka;
- (viii) Memastikan pesakit serta penjaga pesakit mematuhi arahan pemakaian pelitup muka, mengamalkan kebersihan tangan, mengamalkan etika batuk serta penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1-2 meter semasa mereka berada di fasiliti kesihatan;
- (ix) *Menghadkan* kemasukan pelawat bagi mengelakkan berlakunya penularan jangkitan COVID-19 di kalangan pesakit di fasiliti kesihatan; dan
- (x) Melakukan pemantauan dan penyiasatan terhadap sebarang kes *outbreak* di dalam hospital bagi mengawal dan menghalang sebarang rebakan penyakit COVID-19.

3. Langkah-langkah ini diambil bagi memastikan pesakit COVID-19 terus mendapat rawatan dan dilindungi daripada jangkitan COVID-19 semasa mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan.

Sekian, terima kasih.